



Amanah Hartanah Bumiputera – Suntikan Tunai

Pelaburan Hartanah Berhad (“PHB”), sebagai Penaja dan Maybank Asset Management Sdn Bhd, sebagai Pengurus Amanah Hartanah Bumiputera (“AHB” atau “Dana”), ingin mengumumkan bahawa PHB dan AmanahRaya Trustees Berhad (“ART”), sebagai Pemegang Amanah Dana, telah bersetuju untuk Penaja menyuntik dana sebanyak RM150,000,000 dalam bentuk tunai ke dalam AHB untuk penerbitan unit-unit baru AHB.

Unit-unit AHB boleh dibeli mulai 21 Mac 2024 di semua cawangan-cawangan Maybank, AmBank, AmBank Islamic dan Bank Islam di seluruh negara. Sesalinan Prospektus bertarikh 1 Disember 2020, seperti yang dipinda oleh Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 30 November 2022, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 15 November 2023 dan Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 18 Januari 2024 boleh diperolehi daripada www.maybank-am.com.my/product.

Pengumuman ini bertarikh 21 Mac 2024.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pasukan Khidmat Pelanggan kami di +603 2297 7888 atau e-mel kami di mamcs@maybank.com.my